

BAHAGIAN 2 : RINGKASAN EKSEKUTIF

MAKLUMAT PROJEK	
Tajuk	Sistem E-Naf
Bidang dan Kategori	Penyampaian Perkhidmatan / Penyampaian
RINGKASAN PROJEK	
1.0 SIGNIFIKAN PENCIPTAAN PROJEK Peningkatan pendaftaran kes nafkah anak di Mahkamah Rendah Syariah (MRS) Selangor pada tahun 2020 berjumlah 588 kes dan bagi tahun 2021 sebanyak 450 kes. Manakala pendaftaran kes pada 2022 adalah berjumlah 723 kes. Peningkatan pendaftaran kes nafkah anak di MRS Selangor ini berpunca daripada pembukaan secara berperingkat sektor awam oleh kerajaan setelah tamatnya tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) hampir setahun pada tahun 2020. Kumpulan Jaegers telah diberikan tugas untuk membantu jabatan bagi mempercepatkan penyelesaian kes nafkah anak dan pengeluaran perintah mahkamah, berpanduan kepada Teras (1) Pelan Strategik Jabatan Kehakiman Syariah Selangor 2021-2025 iaitu Penyelesaian Kes Yang Cepat. Projek yang diberi nama Sistem Pengiraan Nafkah (Sistem e-Naf) ini bertujuan untuk memudahkan pelanggan mahkamah membuat pengiraan nafkah anak secara sendiri tanpa perlu hadir ke mahkamah dan meminimalkan kos yang ditanggung dalam mendapatkan perintah nafkah anak. Keunikan sistem e-Naf ini adalah perjanjian boleh terus dijana dan dibawa ke mahkamah untuk diendorskan sebagai perintah mahkamah tanpa perlu menghadiri perbicaraan penuh. 2.0 TINDAKAN PENYELESAIAN Sistem e-Naf ini adalah penambahbaikan daripada sistem sedia ada iaitu kiraan secara manual oleh pelanggan mahkamah. Kumpulan Jaegers telah membangunkan sistem e-Naf ini dengan sasaran projek ini dapat membantu menyumbang sekurang-kurangnya 10% penurunan daripada kes penyelesaian nafkah anak yang melalui perbicaraan penuh. 3.0 KEBERHASILAN PROJEK : OUTCOME DAN IMPAK PROJEK Setelah projek ini dilaksanakan, berlaku peningkatan kes yang selesai tanpa perbicaraan penuh malahan sasaran untuk penurunan kes nafkah anak melalui perbicaraan penuh dalam bulan semasa sebanyak <u>10% dapat ditingkatkan sehingga 33%</u>. Secara tidak langsung pengeluaran perintah nafkah anak juga dapat dipercepatkan. Selain itu, ia dapat menjimatkan masa pelanggan mahkamah untuk mendapatkan perintah nafkah anak daripada <u>1006 hari kepada 30 hari</u> sahaja. Sistem e-Naf ini telah membantu meminimalkan kos yang ditanggung oleh pelanggan mahkamah merangkumi kos prosiding, kos guaman, kos perjalanan pergi balik ke mahkamah, kos penyediaan dokumen dan kos pemfailan dokumen. Seterusnya proses kerja kakitangan juga berjaya dikurangkan dan jumlah pelawat di laman web rasmi JAKESS turut meningkat. Projek sistem e-Naf ini memberi impak yang besar iaitu meningkatkan kepercayaan pelanggan terhadap prosiding kes nafkah anak di Mahkamah Syariah. Ia juga meningkatkan imej JAKESS dari segi perkhidmatan yang	

ditawarkan serta menyokong agenda nasional Malaysia Madani yang dibawa oleh Perdana Menteri.

4.0 POTENSI PENGEMBANGAN PROJEK

Sistem e-naf boleh menjadi penanda aras kepada Mahkamah Rendah Syariah di seluruh Malaysia. SOP mengenai e-Naf boleh dijadikan sebagai rujukan serta pemudahcara kepada kakitangan dan pelanggan mahkamah. Promosi projek ini boleh disebar luas ke seluruh daerah di negeri Selangor termasuk agensi kerajaan, NGO, IPTA dan IPTS.

Kumpulan mensasarkan sistem e-Naf dapat diaplikasikan di seluruh Mahkamah Rendah Syariah di Selangor dan dikembangkan ke seluruh Mahkamah Rendah Syariah di Malaysia. Sistem e-Naf ini juga disasarkan akan berkolaborasi dengan Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi membantu agensi tersebut dalam mengenalpasti penerima yang layak menerima bantuan bagi kebajikan anak-anak tersebut.



KIK JAEGERS

SISTEM E-NAF

"PENGIRAAN NAFKAH ANAK KINI DI HUJUNG JARI ANDA"

**MAJLIS PERSADA INOVASI PERKHIDMATAN AWAM
PERINGKAT NEGERI SELANGOR**



JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH SELANGOR

ISI KANDUNGAN

BIL	TAJUK		MUKASURAT
1.0	PENGENALAN		1
2.0	SIGNIFIKAN PEMILIHAN PROJEK		
	2.1	KAITAN DENGAN FUNGSI UTAMA JABATAN/ORGANISASI	2
	2.2	MEMENUHI KEHENDAK PELANGGAN	2
	2.3	SEJAJAR DENGAN AGENDA DAN MATLAMAT NASIONAL	3
	2.4	KAITAN DENGAN KEADAAN EKOSISTEM SEMASA	3
	2.5	KAEDAH PEMILIHAN PROJEK DAN ANALISIS	4
	2.6	PENYATAAN SASARAN OUTCOME DAN IMPAK	5
3.0	TINDAKAN PENYELESAIAN DAN PEMBUKTIAN		
	3.1	PENYELESAIAN DAN PEMBUKTIAN (APLIKASI PENGGUNAAN TOOLS)	6
	3.1.1	KAEDAH PERCAMBAHAN IDEA	6
	3.2	PENGHASILAN DAN PENGUJIAN PROTOTAIP	7-9
	3.3	PERAKUAN DARIPADA PIHAK BERTAULIAH / BERKUASA	10
	3.4	PELAKSANAAN INOVASI	10
4.0	KEBERHASILAN PROJEK		
	4.1	OUTCOME PROJEK DAN PEMBUKTIAN	11
	4.1.1	PENCAPAIAN OUTCOME DAN PEMBUKTIAN PERTAMA	11
	4.1.2	PENCAPAIAN OUTCOME DAN PEMBUKTIAN KEDUA	11
	4.1.3	PENCAPAIAN OUTCOME DAN PEMBUKTIAN KETIGA	12
	4.1.4	FAEDAH SAMPINGAN PENCAPAIAN OUTCOME (LUAR JANGKA)	13
	4.2	PENCAPAIAN IMPAK	13
	4.2.1	PENILAIAN IMPAK DAN PEMBUKTIAN	13
	4.2.2	FAEDAH SAMPINGAN PENCAPAIAN IMPAK (LUAR JANGKA)	14
5.0	POTENSI PENGEMBANGAN PROJEK		
	5.1	TAHAP KETERSEDIAAN TEKNOLOGI / SISTEM / PROSES	15
	5.2	TAHAP REPLIKASI ATAU PENGKOMERSIALAN	15
	5.3	PENUTUP	15
	LAMPIRAN		16-37

SENARAI NAMA AHLI KUMPULAN

1.	MOHD KHAIRI BIN KAMIS
2.	MARINA BINTI ABDUL RAHMAN
3.	SHAHIRA BINTI SOHIMI
4.	NAJIVILINDA BINTI ABD JALIL
5.	NABILAH HUDA BINTI SHAMSUDDIN

GAMBAR KUMPULAN



PENGESAHAN ORGANISASI

Pengesahan Ketua Jabatan :

Saya mengesahkan bahawa segala maklumat yang dikemukakan adalah benar dan projek ini telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pemandu Inovasi pada pada **31 MAC 2021**

.....
(**DATO' MOHAMMAD ADIB BIN HUSAIN** *DPMS., SMS., AMN.*)

Ketua Hakim Syarie,
Jabatan Kehakiman Syariah Selangor

Tarikh :



**PERTANDINGAN HORIZON BAHARU KUMPULAN INOVASI DAN KREATIF (KIK)
MAJLIS PERSADA INOVASI PERKHIDMATAN AWAM
PERINGKAT NEGERI SELANGOR**

BAHAGIAN A : MAKLUMAT KUMPULAN & PROJEK

MAKLUMAT ORGANISASI	
Alamat Jabatan	JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH SELANGOR, BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH SULTAN IDRIS SHAH, PERSIARAN MASJID, SEKSYEN 5, 40000 SHAH ALAM, SELANGOR.
Nama Kumpulan	JAEGERS
Tajuk Projek KIK	SISTEM E-NAF
Tarikh Kumpulan Ditubuhkan	23 JANUARI 2020
Tarikh Mula Projek	31 MAC 2021
Tarikh Siap Projek	15 DISEMBER 2022
KIK	(Sila tandakan (✓) dalam kotak yang berkaitan) ☒ Primer ☐ Hibrid
Bidang Inovasi	(Sila tandakan (✓) dalam kotak yang berkaitan) ☐ Sosial ☒ Penyampaian Perkhidmatan
Kategori Inovasi	(Sila tandakan (✓) dalam kotak yang berkaitan) ☒ Penciptaan ☐ Penambahbaikan
PEGAWAI BERTANGGUNGJAWAB	
Fasilitator Kumpulan (Jika Ada)	
Nama	TUAN NURULAZHAR BIN MOHD TOHAR
Gred dan Jawatan	LS 44
No. Telefon Pejabat & Faks	03-5519 1291 (1602), 03-5512 6068 (Faks)
E-mel	azhar_tohar@esyariah.gov.my
Ketua Kumpulan	
Nama	TUAN MOHD KHAIRI BIN KAMIS
Gred dan Jawatan	LS 41
No. Telefon Pejabat & Faks	03-5519 1291 (1602), 03-5512 6068 (Faks)
E-mel	mohdkhairi@esyariah.gov.my

BAHAGIAN 2 : RINGKASAN EKSEKUTIF

MAKLUMAT PROJEK	
Tajuk	Sistem E-Naf
Bidang dan Kategori	Penyampaian Perkhidmatan / Penyampaian
RINGKASAN PROJEK	
1.0 SIGNIFIKAN PENCIPTAAN PROJEK Peningkatan pendaftaran kes nafkah anak di Mahkamah Rendah Syariah (MRS) Selangor pada tahun 2020 berjumlah 588 kes dan bagi tahun 2021 sebanyak 450 kes. Manakala pendaftaran kes pada 2022 adalah berjumlah 723 kes. Peningkatan pendaftaran kes nafkah anak di MRS Selangor ini berpunca daripada pembukaan secara berperingkat sektor awam oleh kerajaan setelah tamatnya tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) hampir setahun pada tahun 2020. Kumpulan Jaegers telah diberikan tugas untuk membantu jabatan bagi mempercepatkan penyelesaian kes nafkah anak dan pengeluaran perintah mahkamah, berpanduan kepada Teras (1) Pelan Strategik Jabatan Kehakiman Syariah Selangor 2021-2025 iaitu Penyelesaian Kes Yang Cepat. Projek yang diberi nama Sistem Pengiraan Nafkah (Sistem e-Naf) ini bertujuan untuk memudahkan pelanggan mahkamah membuat pengiraan nafkah anak secara sendiri tanpa perlu hadir ke mahkamah dan meminimalkan kos yang ditanggung dalam mendapatkan perintah nafkah anak. Keunikan sistem e-Naf ini adalah perjanjian boleh terus dijana dan dibawa ke mahkamah untuk diendorskan sebagai perintah mahkamah tanpa perlu menghadiri perbicaraan penuh. 2.0 TINDAKAN PENYELESAIAN Sistem e-Naf ini adalah penambahbaikan daripada sistem sedia ada iaitu kiraan secara manual oleh pelanggan mahkamah. Kumpulan Jaegers telah membangunkan sistem e-Naf ini dengan sasaran projek ini dapat membantu menyumbang sekurang-kurangnya 10% penurunan daripada kes penyelesaian nafkah anak yang melalui perbicaraan penuh. 3.0 KEBERHASILAN PROJEK : OUTCOME DAN IMPAK PROJEK Setelah projek ini dilaksanakan, berlaku peningkatan kes yang selesai tanpa perbicaraan penuh malahan sasaran untuk penurunan kes nafkah anak melalui perbicaraan penuh dalam bulan semasa sebanyak <u>10% dapat ditingkatkan sehingga 33%</u>. Secara tidak langsung pengeluaran perintah nafkah anak juga dapat dipercepatkan. Selain itu, ia dapat menjimatkan masa pelanggan mahkamah untuk mendapatkan perintah nafkah anak daripada <u>1006 hari kepada 30 hari</u> sahaja. Sistem e-Naf ini telah membantu meminimalkan kos yang ditanggung oleh pelanggan mahkamah merangkumi kos prosiding, kos guaman, kos perjalanan pergi balik ke mahkamah, kos penyediaan dokumen dan kos pemfailan dokumen. Seterusnya proses kerja kakitangan juga berjaya dikurangkan dan jumlah pelawat di laman web rasmi JAKESS turut meningkat. Projek sistem e-Naf ini memberi impak yang besar iaitu meningkatkan kepercayaan pelanggan terhadap prosiding kes nafkah anak di Mahkamah Syariah. Ia juga meningkatkan imej JAKESS dari segi perkhidmatan yang	

ditawarkan serta menyokong agenda nasional Malaysia Madani yang dibawa oleh Perdana Menteri.

4.0 POTENSI PENGEMBANGAN PROJEK

Sistem e-naf boleh menjadi penanda aras kepada Mahkamah Rendah Syariah di seluruh Malaysia. SOP mengenai e-Naf boleh dijadikan sebagai rujukan serta pemudahcara kepada kakitangan dan pelanggan mahkamah. Promosi projek ini boleh disebar luas ke seluruh daerah di negeri Selangor termasuk agensi kerajaan, NGO, IPTA dan IPTS.

Kumpulan mensasarkan sistem e-Naf dapat diaplikasikan di seluruh Mahkamah Rendah Syariah di Selangor dan dikembangkan ke seluruh Mahkamah Rendah Syariah di Malaysia. Sistem e-Naf ini juga disasarkan akan berkolaborasi dengan Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi membantu agensi tersebut dalam mengenalpasti penerima yang layak menerima bantuan bagi kebajikan anak-anak tersebut.



1.0 PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Organisasi

Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS) merupakan institusi kehakiman syariah di bawah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) yang berfungsi untuk membicarakan dan memutuskan kes yang diperuntukkan oleh Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003. JAKESS memiliki 13 buah Mahkamah Rendah Syariah di seluruh Selangor, sebuah Mahkamah Tinggi Syariah dan sebuah Mahkamah Rayuan Syariah yang terletak di Bangunan Mahkamah Syariah Sultan Idris Shah, Persiaran Masjid, Seksyen 5 Shah Alam, Selangor. Misi JAKESS adalah melaksanakan pengadilan dan pengurusan Mahkamah Syariah secara berkesan dan sistematik berasaskan peruntukan undang-undang. Justeru itu, bagi mencapai misi ini, keutamaan JAKESS adalah memberikan perkhidmatan dan kemudahan yang bersesuaian dengan keperluan pelanggan di Mahkamah Syariah. **(Sumber: www.jakess.gov.my)**

1.2 Latar Belakang Kumpulan

Kumpulan Kreatif dan Inovatif (KIK) telah diberi tanggungjawab untuk membantu pelanggan secara khususnya dan kakitangan mahkamah secara amnya dalam menentukan kadar nafkah anak seterusnya mempercepatkan proses pengeluaran perintah. Seramai 5 orang kakitangan daripada pelbagai bahagian terlibat dalam projek KIK pada tahun ini **(Lampiran 1.1)** dan kumpulan ini diberi nama **JAEGERS** seperti yang diputuskan dalam **Minit Mesyuarat KIK Bil 1/2021 pada 18 Januari 2021 (Lampiran 1.2 & Lampiran 1.2a)**

1.3 Latar Belakang Projek

Peningkatan pendaftaran kes nafkah anak di Mahkamah Rendah Syariah pada tahun 2020 berjumlah 588 kes dan bagi tahun 2021 sebanyak 450 kes. Manakala, pada tahun 2022 adalah berjumlah 723 kes **(Lampiran 1.3)**. Peningkatan pendaftaran kes nafkah anak di Mahkamah Rendah Syariah ini berpunca daripada pembukaan secara berperingkat sektor awam oleh kerajaan setelah tamatnya tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) hampir setahun pada tahun 2020 **(Lampiran 1.4)**. Kumpulan telah menyediakan carta perbatuan yang menerangkan tentang perancangan projek di **(Lampiran 1.5)**. Kumpulan Jaegers telah diberikan tugas untuk membantu jabatan bagi mempercepatkan penyelesaian kes nafkah anak dan penerimaan perintah mahkamah, berpanduan kepada Teras (1) Pelan Strategik Jabatan Kehakiman Syariah Selangor 2021-2025 iaitu Penyelesaian Kes Yang Cepat. **(Lampiran 1.6)** Projek yang diberi nama Sistem Pengiraan Nafkah (**Sistem e-Naf**) seperti di **Minit Mesyuarat KIK Bil 2/2021 bertarikh 31 Mac 2021 (Lampiran 1.7)** ini bertujuan untuk memudahkan pelanggan mahkamah mengira nafkah anak secara sendiri tanpa perlu hadir ke mahkamah dan meminimumkan kos yang ditanggung untuk mendapatkan perintah. Ia adalah penambahbaikan daripada sistem sedia ada iaitu kiraan secara manual. Keunikan sistem e-Naf ini adalah pelanggan dapat menganggarkan nafkah anak dengan cepat dan mudah mengikut peruntukan undang-undang. Sekiranya pihak-pihak bersetuju, perjanjian boleh terus dijana dan dibawa ke mahkamah untuk diendorskan sebagai perintah mahkamah tanpa perlu menghadiri perbicaraan penuh yang akan mengambil masa yang lama dan melibatkan pengeluaran kos yang banyak.

2.0 SIGNIFIKAN PEMILIHAN PROJEK

2.1 Kaitan Dengan Fungsi Utama Jabatan/Organisasi

JAKESS berfungsi untuk menerima, mendengar dan memutuskan kes-kes yang dibawa ke Mahkamah Syariah mengikut hukum Syara' dan peruntukan undang-undang manakala Bahagian Penyelesaian Alternatif (ADR) JAKESS bertanggungjawab dalam mencapai misi JAKESS iaitu melaksanakan pengadilan dan pengurusan Mahkamah Syariah secara berkesan serta sistematik melalui Majlis Sulh yang dikendalikan oleh Pegawai Sulh. Melalui Majlis Sulh juga, Pegawai Sulh perlu menyediakan 'Perjanjian Persetujuan Bersama' pihak-pihak. Kumpulan Jaegers telah membangunkan sistem e-Naf ini dengan sasaran agar projek ini dapat membantu menyumbang sekurang-kurangnya 10% penurunan kes penyelesaian nafkah anak yang melalui perbicaraan penuh seperti di dalam **Minit Mesyuarat KIK Bil 2/2021 pada 31 Mac 2021 (Lampiran 2.1)** selari dengan matlamat organisasi dan fungsi Bahagian ADR itu sendiri. Selain itu, projek ini dapat membantu dan menambahbaik perkhidmatan sedia ada di mana pelanggan mahkamah dapat menentukan kadar nafkah anak secara sendiri seterusnya memendekkan tempoh masa perbicaraan serta meminimalkan kos yang ditanggung oleh pelanggan mahkamah. Melalui projek ini juga, pelanggan mahkamah boleh menjana sendiri perjanjian persetujuan dan membawanya ke mahkamah untuk di endors sebagai perintah mahkamah serta dapat mempercepatkan penyelesaian kes nafkah anak.

2.2 Memenuhi Kehendak Pelanggan

Maklum balas daripada pelanggan yang diambil melalui pertanyaan di kaunter, panggilan telefon dan di akaun rasmi media sosial JAKESS telah diambil kira oleh Kumpulan Jaegers untuk memastikan imej dan kualiti perkhidmatan JAKESS tidak terjejas selaras dengan objektif untuk memantapkan pentadbiran Kehakiman dan Perundangan Syariah ke arah mendaulatkan Syariat Islam **melalui penyelesaian kes dengan kadar yang segera**. Kumpulan telah mengadakan perbincangan serta memilih masalah yang dihadapi oleh pelanggan mahkamah iaitu kesulitan dalam menentukan kadar nafkah anak yang menjadi penyebab kepada peningkatan kes perbicaraan penuh nafkah anak di Mahkamah Rendah Syariah Selangor seterusnya mengakibatkan perintah nafkah anak tidak dapat dikeluarkan dengan segera (**Lampiran 2.2**). Kumpulan turut membuat kaji selidik terhadap pelanggan dan petugas kaunter di Mahkamah Rendah Syariah. Pecahan sumber respon tersebut adalah sebagaimana berikut:

RESPONDEN	JUMLAH KADAR NAFKAH	PROSEDUR TUNTUTAN	TEMPOH PENYELESAIAN	
			CEPAT	LAMA
PELANGGAN	16	4	-	20
PETUGAS KAUNTER	18	2	1	19
JUMLAH	34	6	1	39

(Rajah 2.1 : Sumber responden pada 17 Mac – 14 April 2022)

Berdasarkan rajah 2.1 di atas, seramai 34 orang responden dari jumlah 40 orang responden mempunyai masalah mengenai penentuan jumlah kadar nafkah anak, seramai 20 orang responden di kalangan pelanggan mahkamah mendapati tempoh penyelesaian kes terlalu lama manakala 1 responden di kalangan petugas kaunter telah memilih tempoh penyelesaian adalah cepat. Ini menunjukkan kebanyakan pelanggan menghadapi masalah untuk menentukan jumlah kadar nafkah anak bulanan. Oleh itu, sistem e-Naf ini selaras dengan objektif kumpulan untuk membantu pelanggan mengira jumlah nafkah anak mengikut peruntukan undang-undang.

2.3 Seajar dengan Agenda dan Matlamat Nasional

Sultan Selangor, DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah turut mengingatkan Mahkamah Syariah melalui titah baginda supaya tidak melengah-lengahkan penghakiman yang menyebabkan kehidupan mereka yang terlibat akan tergendala. **(Lampiran 2.3)**

“Membangun Malaysia Madani” merupakan salah satu visi dan kerangka dasar reformasi dari agenda dan matlamat nasional di bawah Perdana Menteri, YB Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim. Selain itu, Pelan Transformasi Hal Ehwal Agama, Menuju Malaysia Madani atau dikenali dengan nama ringkasnya “Al-Falah” telah diperkenalkan oleh YB Senator Dato’ Setia Dr Hj. Mohd. Na’im bin Hj. Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (HAE Agama) bagi menggerakkan transformasi perkhidmatan kehakiman Syariah serta memperkasakan sistem kehakiman Syariah di Malaysia. Nilai-nilai ini menjadikan JAKES mempunyai peranan yang amat signifikan bagi melaksanakan fokus gerak kerja dalam memartabatkan Perundangan dan Kehakiman Islam. **(Lampiran 2.4)**

Melalui kenyataan yang dikeluarkan oleh mantan Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri, kerajaan bersetuju untuk mencadangkan supaya Mahkamah Syariah membuat perintah secara serentak bagi permohonan perceraian bersekali dengan tuntutan nafkah bagi anak dan isteri **(Lampiran 2.5)**. Ini bertepatan dengan kehendak **Arahan Amalan No. 6 Tahun 2022 JKSM** iaitu keperluan pemfailan kes tuntutan nafkah anak bersama kes tuntutan permohonan perceraian atau pembubaran perkahwinan (dengan kehadiran suami). **(Lampiran 2.5a)**

Kerajaan melalui YB Senator Dato’ Setia Dr Hj. Mohd. Na’im bin Hj. Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) pada 14 Mac 2023 telah menggesa Mahkamah Syariah untuk berusaha memendekkan tempoh penyelesaian kes yang dikendalikan. **(Lampiran 2.6)**

2.4 Kaitan dengan Keadaan Ekosistem Semasa

Penularan wabak Covid-19 telah memberi kejutan di peringkat global dan memberi kesan kepada sosioekonomi. Selepas pengumuman kerajaan mengenai pembukaan sektor perkhidmatan secara sepenuhnya, JAKES telah menerima peningkatan kes nafkah anak yang melalui perbicaraan penuh. Notis pembukaan Mahkamah Syariah secara penuh seperti di **(Lampiran 2.7)** dan statistik pendaftaran kes nafkah anak di Mahkamah Rendah Syariah di Selangor adalah seperti di bawah:-

BULAN	JAN	FEB	MAR	APR	MAY	JUN	JUL	AGO'S	SEP	OKT	NOV	DIS	JUMLAH
NEGERI													
SELANGOR	64	52	71	59	48	57	64	81	67	46	55	59	723
WILAYAH PERSEKUTUAN	30	16	30	26	11	27	22	34	17	23	28	33	297
TERENGGANU	29	12	25	17	21	32	23	25	33	28	13	17	275
SABAH	22	10	29	15	15	32	15	22	17	24	20	21	242

(Rajah 2.2 : Statistik Pendaftaran Kes Nafkah Anak Januari - Disember 2022)

2.5 Kaedah Pemilihan Projek dan Analisis

Pengurusan Tertinggi JAKES sedia maklum bahawa situasi pembukaan sepenuhnya di sektor perkhidmatan selepas PKP ini telah mengakibatkan prosiding kes-kes yang tertangguh sewaktu tempoh PKP mula diteruskan seperti biasa. Ketua Kumpulan KIK ditugaskan oleh Pengurusan Tertinggi JAKES untuk membantu jabatan dalam menurunkan kadar kes nafkah anak yang melalui perbicaraan penuh. Kumpulan telah mengenalpasti masalah utama dan diperincikan lagi dengan kaedah **5W1H**, **BRAINSTORMING** dan **BUBBLE DIAGRAM**.



Rajah 2.3 Kaedah 5W1H

Kaedah **BRAINSTORMING** digunakan dan 5 ahli kumpulan menyokong **ketidakpastian mengenai kadar tuntutan nafkah anak dan kelewatan mendapat perintah nafkah anak menjadi pilihan utama kepada permasalahan ini**. Ia diikuti dengan 3 ahli memilih proses kerja yang panjang menjadi antara salah satu faktor. Ahli kumpulan juga mengadakan sesi **BRAINSTORMING** bagi menyokong bahawa JAKES perlu membantu pelanggan mahkamah dalam menentukan kadar tuntutan nafkah anak serta mengatasi masalah kelewatan perintah nafkah anak yang dikeluarkan oleh mahkamah. Hasil undian seperti di (Lampiran 2.8). Kumpulan bersetuju dengan adanya perkhidmatan sistem e-Naf ini dapat mengatasi masalah tersebut seterusnya memudahkan pelanggan mahkamah untuk membuat tuntutan nafkah anak.

Selain itu, kumpulan juga telah menggunakan kaedah **BUBBLE DIAGRAM** untuk mencari penyelesaian bagi masalah tersebut. Beberapa punca telah dikenalpasti sebagai penyebab kepada isu ini. (**Lampiran 2.8a**). Kaedah **BOW TIE** (**Lampiran 2.8b**) pula digunakan untuk mengenalpasti risiko-risiko lain yang akan berlaku sekiranya punca tidak dapat diselesaikan dengan segera seperti berikut:

- Key Performance Indicator (KPI) Jabatan menurun
- Tekanan kepada pelanggan Mahkamah dan kakitangan Mahkamah
- Aduan makin meningkat

2.6 PENYATAAN SASARAN OUTCOME DAN IMPAK

Mahkamah Syariah juga turut terkesan akibat daripada peningkatan kes nafkah anak yang melalui perbicaraan penuh selepas tempoh PKP. Kumpulan telah membuat semakan terhadap statistik pemfailan kes nafkah anak di Mahkamah Rendah Syariah.

BULAN	DAFTAR	BERJAYA	GAGAL	% GAGAL
IAN	54	10	44	81.48 %
FEB	52	4	48	92.30 %
MAR	71	8	63	88.73 %
APR	59	13	46	77.96 %
MAY	48	8	40	83.33 %
JUN	57	8	49	85.96 %
JUL	64	9	55	86.94 %
OGOS	81	10	71	87.65 %

(Rajah 2.4 Statistik Kes Daftar, Berjaya dan Gagal Januari - Ogos 2022)

Berdasarkan statistik pendaftaran kes nafkah anak di atas, berlaku trend peningkatan kes nafkah anak yang melalui perbicaraan penuh disebabkan pembukaan Mahkamah Syariah secara penuh selepas dari tempoh PKP. Kumpulan berhasrat mensasarkan penurunan sebanyak 10% bagi kes nafkah anak yang melalui perbicaraan penuh dalam bulan semasa. Kumpulan seterusnya menggunakan kaedah **SMART** untuk mengukur dan menetapkan sasaran kumpulan (**Lampiran 2.8c**) seperti berikut:



3.0 TINDAKAN PENYELESAIAN DAN PEMBUKTIAN

3.1 Strategi Penyelesaian Kreatif termasuk Aplikasi Penggunaan Tools

Kumpulan menggunakan kaedah **TREE DIAGRAM** untuk penyelesaian masalah dan menentukan kriteria terbaik untuk menghasilkan pencapaian idea kreatif. Melalui kaedah ini, kumpulan berpuas hati untuk memilih sistem pengiraan nafkah anak melalui sistem e-Naf yang berupaya mencapai objektif yang ditetapkan. Sehubungan dengan itu, kumpulan seterusnya melaksanakan pengujian ke atas sistem e-Naf.

3.1.1 Kaedah Percambahan Idea

Hasil kajian kumpulan mendapati masalah peningkatan kes nafkah anak melalui perbicaraan penuh di Mahkamah Rendah Syariah adalah sangat kritikal dan menyebabkan KPI penyelesaian kes jabatan menurun. Kelewatan pengeluaran perintah nafkah anak di JAKESS boleh menyebabkan penurunan statistik kes selesai jabatan. Kumpulan merumuskan bahawa satu reka bentuk dan kaedah yang lebih praktikal perlu dilaksanakan. Strategi dan proses penyelesaian projek telah digariskan oleh kumpulan dengan menggunakan kaedah **TREE DIAGRAM (Lampiran 3.1)**.

Melalui kaedah tersebut, kumpulan mengenalpasti tiga (3) penyelesaian kepada punca utama kelewatan pengeluaran perintah nafkah anak di Mahkamah Syariah iaitu mengurangkan proses kerja, mewujudkan sistem pengiraan kadar nafkah anak kepada pelanggan dan mengurangkan tempoh prosedur perbicaraan. Ahli kumpulan telah menjalankan kaedah undian terhadap cadangan yang dikemukakan semasa **Mesyuarat KIK bilangan 2/2022 pada 2 Ogos 2022 (Lampiran 3.2)**. Hasil daripada keputusan sistem undian tersebut, kesemua 5 orang ahli kumpulan bersetuju bahawa perkhidmatan sistem pengiraan nafkah anak melalui sistem e-Naf adalah kaedah terbaik. Keputusan undian sebagaimana di **Rajah 3.1 dan 3.2**.

NAMA AHLI	SISTEM E-NAF	SISTEM PENGIRAAN MANUAL
1. HICHI KISARI	✓	✓
2. MAIRIMA	✓	✓
3. SHAVERA	✓	✓
4. NADILAH	✓	✓
5. NAURWANIDA	✓	✓
Jumlah	5	2

Rajah 3.1 : Kaedah Undian Kumpulan Kelemahan

KELEBIHAN	KELEMAHAN
1. Mudah dan cepat 2. Trend terkini 3. Lebih tepat 4. Tempoh masa singkat 5. Nilai lebih relevan 6. Mesra pengguna	1. Tiada akses internet 2. Tiada telefon pintar 3. Masalah server

Rajah 3.2 : Kelebihan dan Menggunakan Sistem e-Naf

Terdapat enam (6) kelebihan penggunaan sistem e-Naf bagi memudahkan pelanggan menganggarkan kiraan nafkah anak yang perlu dituntut. Kumpulan telah menggunakan kaedah **SCAMPER** bagi menghasilkan pencapaian idea kreatif (**Lampiran 3.3**).

Kaedah **FORCE RANKING** juga telah digunakan oleh kumpulan bagi menentukan kaedah terbaik serta perkhidmatan yang diperlukan oleh pelanggan mahkamah semasa mengisi

Kesimpulannya, perkhidmatan sistem e-Naf adalah kaedah terbaik yang dipilih oleh ahli kumpulan dan responden yang terlibat kerana ianya memudahkan pelanggan mengangarkira kiraan nafkah anak yang wajar dituntut. Analisis soal selidik adalah seperti di **(Lampiran 3.5)**. Dapatan analisis ini juga telah dibentangkan dalam **Mesyuarat KIK Bil. 3/2022 pada 12 Ogos 2022 (Lampiran 3.6)**. Sistem e-Naf telah disokong oleh pihak pengurusan dan surat kelulusan untuk menjalankan projek dilampirkan seperti di **(Lampiran 3.7)**

Pembangunan prototaip telah dijalankan bermula pada 2 September 2022 oleh ahli kumpulan. Prototaip pertama telah berjaya dibangunkan dalam masa 7 hari hasil perbincangan ahli kumpulan secara dalam talian. Setelah kumpulan yakin dan bersetuju dengan keupayaan yang bakal dibangunkan ini, barulah prototaip pertama mula dihasilkan seperti lakaran dibawah :



Setelah kumpulan menjalankan uji cuba ke atas Prototaip 1, kumpulan mendapati bahawa terdapat kekurangan dan telah dibentangkan hasil dapatan uji cuba dalam **Minit Mesyuarat KIK Bil. 4/2022 pada tarikh 14 September 2022 (Lampiran 3.8)** seperti berikut :

7

BAHAGIAN 3 : TINDAKAN PENYELESAIAN | SISTEM E-NAF

Penambahbaikan yang dibuat ke atas Prototaip 1 adalah seperti berikut:




Prototaip 2

Setelah kumpulan menjalankan uji cuba ke atas Prototaip 2, kumpulan mendapati bahawa masih terdapat kekurangan dan telah dibentangkan hasil dapatan uji cuba dalam **Mesyuarat ADR Bil 3/2022 pada 11 Oktober 2022 (Lampiran 3.9)** seperti berikut :

UJICUBA 2	KEKURANGAN	KELEBIHAN	PENCAPAIAN STATISTIK	PENAMBAHBAIKAN DARI PROTOTAIP 1	KOS
Ujicuba telah dilakukan pada 23-29 September 2022 kepada kakitangan Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS)	*Pengisian kalkulator terlalu panjang *Peratus penolakan dan pertambahan jumlah anak mengelirukan pengguna	*Pengiraan menggunakan sistem *Kiraan jumlah bulanan nafkah anak lebih bersesuaian *Terdapat pautan terus kepada sistem *Borang boleh dijana dalam talian *Pembayaran pendaftaran tanpa tunai	Masih belum mencapai sasaran	*Ditambah baik dengan pautan terus kepada sistem *Borang boleh dijana dalam talian *Pembayaran pendaftaran tanpa tunai	Perjalanan : rm10x20 kali = RM200 Plying : RM200

Penambahbaikan yang dibuat ke atas Prototaip 3 adalah seperti berikut :



Prototaip 3

BAHAGIAN 3 : TINDAKAN PENYELESAIAN | SISTEM E-NAF

Justeru, ahli kumpulan menjalankan uji cuba ke atas Prototaip 3 yang terakhir, kelebihan yang telah dikenalpasti dan telah dibentangkan hasil dapatan uji cuba dalam **Mesyyuarat dan Muzakarah Hakim Syarie Bil 3/2022 pada 28 Oktober 2022 (Lampiran 3.10)** adalah seperti berikut :

UJICUBA 3	KELEBIHAN	PENCAPAIAN STATISTIK	PENAMBAHBAIKAN DARI PROTOAIP 2	KOS
Ujicuba telah dilakukan pada 3-9 Oktober 2022 kepada pengguna	*Terdapat pautan terus kepada sistem *Borang boleh dijana dalam talian *Pembayaran Pendaftaran tanpa tunai *Persetujuan perjanjian boleh dijana terus *Terdapat pautan kod QR	*Statistik kes sulh berjaya selesai meningkat	*Ditambah baik dengan kod QR *Ditambah baik dengan perjanjian persetujuan boleh dijana terus dari sistem e-Naf *Boleh terus endors perjanjian tanpa perlu ke majlis sulh *Sistem e-Naf telah bersedia untuk digunakan oleh pengguna	Perjalanan - rm10 Pendaftaran : RM54

Ahli kumpulan telah memilih Prototaip 3 sebagai cara terbaik bagi melaksanakan perkhidmatan sistem e-Naf. Sistem e-Naf dengan rasminya telah digunakan oleh pelanggan mahkamah pada 10 Oktober 2022 dengan tagline iaitu *"Pengiraan Nafkah Anak Kini di Hujung Jari Anda"* seperti di **Minit Mesyyuarat KIK Bil. 5/2022 bertarikh 7 Oktober 2022 (Lampiran 3.11)**. Projek ini telah dibangunkan dengan kerjasama Bahagian Teknologi Makluman JAKESS dengan kos pembangunan projek ini sebanyak RM 3000.00 yang telah dibiayai oleh jabatan.

Berikut adalah rumusan pencapaian Ujicuba 3 hingga 5 (tempoh masa : 3 Oktober - 30 Disember 2022) ke atas Prototaip 3 yang telah dibangunkan oleh kumpulan dan telah dibentangkan dalam **Mesyyuarat ADR Bil. 1/2023 pada 13 Februari 2023 (Lampiran 3.12)**:



RAJAH 3.3 : Jadual Ujicuba 3 hingga 5 Perkhidmatan

TARIKH	UJICUBA	JUMLAH DAFTAR KES NAFKAH ANAK	JUMLAH KES BERJAYA SELESAI SELEPAS GUNA SISTEM E-NAF	STATISTIK PERATUSAN KES BERJAYA SELESAI	PENCAPAIAN SISTEM E-NAF
3-9 OKTOBER 2022 (BULAN OKTOBER)	UJICUBA 3	46	17	36.96%	✓
1-7 NOVEMBER 2022 (BULAN NOVEMBER)	UJICUBA 4	55	23	41.82%	✓
1-7 DISEMBER 2022 (BULAN DISEMBER)	UJICUBA 5	59	27	45.76%	✓

RAJAH 3.4 : Graf Pencapaian Sistem E-Naf

Berdasarkan uji cuba 3 hingga 5, kumpulan mendapati jumlah dan peratusan kes Nafkah Anak berstatus berjaya, semakin meningkat dengan menggunakan perkhidmatan sistem e-Naf.

3.3 Perakuan daripada pihak Bertauliah/Berkuasa

Sistem e-Naf telah mendapat dua (2) perakuan daripada pihak bertaualiah iaitu perakuan daripada **YB Tuan Mohd Zawawi Ahmad Mughni, Exco Agama Islam, Pengguna & Industri Halal** dan **YAA Dato' Haji Mohd Amran bin Haji Mat Zain, Hakim Mahkamah Rayuan Syariah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia**. Pihak-pihak bertaualiah ini telah memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada JAKES dengan wujudnya sistem e-Naf ini. **(Lampiran 3.13)**. Sistem e-Naf juga telah mendapat liputan daripada pihak media. **(Lampiran 3.14)**

3.4 Pelaksanaan Inovasi

3.4.1 Sistem e-Naf telah dirasmikan oleh YB Tuan Mohd Zawawi bin Ahmad Mughni, Exco Agama Islam, Pengguna & Industri Halal pada 15 Disember 2022 di Hotel Mardhiyyah, Shah Alam. Ini membuktikan bahawa perkhidmatan ini telah bersedia untuk diperkenalkan kepada pelanggan mahkamah dan mendapat sokongan dari kerajaan negeri Selangor serta Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM). Pautan tersebut boleh didapati di Laman Facebook Rasmi JAKES pada jam 1:04:00 <https://fb.watch/j5xODZNCWl/?mibextid=unz460>

3.4.2 Ahli kumpulan juga telah membangunkan video pelancaran yang dimuat naik di saluran *YouTube* *Stempis* *JAKES* di pautan <https://www.youtube.com/watch?v=V3Z54JO6lJU> pada 15 Disember 2022 bagi menghebahkan dan mempergiatkan publisiti sistem e-Naf. Ahli kumpulan membuat promosi dengan mengedarkan bunting di seluruh lokasi Mahkamah Rendah Syariah di Selangor serta edaran *flyers* kepada orang awam **(Lampiran 3.15)**.

3.4.3 Ahli kumpulan telah memberi maklumat tatacara penggunaan sistem e-Naf yang boleh dilayari melalui pautan <http://enaf.jakess.gov.my/> kepada warga kerja JAKES dalam Majlis Tazkirah Mingguan Jabatan melalui pautan aplikasi *Google Meet* pada 11 Disember 2022 **(Lampiran 3.16)**.

3.4.4 Ahli kumpulan telah memberi latihan kepada mereka yang dilantik bagi membantu orang awam melalui beberapa kursus seperti Kursus Lanjutan Asas Komuniti Sulh dan Rakan Sokongan Keluarga (BSK) bagi Helwa Masjid di seluruh Negeri Selangor pada 6-8 September 2022 bertempat di Geno Hotel, Kursus Asas Komuniti Sulh dan Rakan Sokongan Keluarga (BSK) pada 23-25 September 2022 bertempat di Dorsett Grand Subang kerjasama Wanita Berdaya Selangor (WBS) di bawah portfolio YB Dr Siti Mariah binti Mahmud, Exco Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam, Perpaduan dan Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Selangor **(Lampiran 3.17)**.


3.4.5 Sistem e-Naf ini telah mempromosikan secara tidak langsung pelbagai perkhidmatan dalam talian yang ditawarkan kepada orang awam di laman web rasmi JAKES seperti Sistem e-Locator, Semakan Status Perintah Mahkamah Syariah Selangor, Sistem Pengurusan Aduan Awam, Kod QR untuk muat turun borang Mahkamah Syariah dan Borang Maklum Balas Pelanggan. **(Sumber : www.jakess.gov.my)**

4.0 KEBERHASILAN PROJEK

4.1 Outcome Projek Dan Pembuktian

4.1.1 Peningkatan Peratusan Penyelesaian Kes dan Penurunan Peratusan Kes Melalui Perbicaraan Penuh

Setelah projek ini dilaksanakan, bukan hanya berlaku penurunan kes nafkah anak melalui perbicaraan penuh dalam bulan semasa sebanyak 10% sahaja, namun demikian, penurunan kes nafkah anak melalui perbicaraan penuh dapat dikurangkan **melebihi sasaran iaitu sehingga 33% iaitu dari bulan Oktober - Disember 2022**, seterusnya menyebabkan pengeluaran perintah nafkah anak dapat dipercepatkan. Maklumat terperinci mengenai pencapaian outcome ini adalah sebagaimana di dalam **Rajah 4.1** berkaitan statistik penurunan kes nafkah anak melalui perbicaraan penuh dalam bulan semasa:



Rajah 4.1 - Graf penurunan kes nafkah anak ke perbicaraan penuh

4.1.2 Mempercepatkan Tempoh Menunggu Pelanggan

Sistem e-Naf secara tidak langsung menyumbang kepada tempoh masa pelanggan mahkamah memperolehi perintah nafkah anak dengan segera. Dengan menggunakan sistem e-Naf, ia dapat menjimatkan masa pelanggan mahkamah dari **1006 hari (purata tempoh masa menjalani perbicaraan penuh) kepada 30 hari sahaja** yang diperlukan untuk mendapatkan perintah nafkah anak. Perbandingan bagi kes-kes nafkah anak yang mengikut proses perbicaraan penuh dan kes yang berjaya diselesaikan melalui proses Sulh setelah pihak-pihak bersetuju menggunakan sistem e-Naf sebagai medium dalam menentukan kadar nafkah anak yang sewajarnya adalah sebagaimana di **Rajah 4.1.2**.

BAHAGIAN 4 : OUTCOME DAN IMPAK PROJEK | SISTEM E-NAF

BIL	NOMBOR KES	TARIKH DAFTAR	TARIKH SELESAI	TEMPOH YANG DIAMBIL
1	10003-024-0627-2019	26/11/2019	27/04/2022	884 HARI
2	10003-024-0037-2020	15/01/2020	11/05/2022	817 HARI
3	10003-024-0703-2019	24/12/2019	20/07/2022	940 HARI
4	10002-024-0638-2019	20/12/2019	MASIH DALAM PROSIDING	1184 HARI
5	10021-024-0661-2019	28/11/2019	MASIH DALAM PROSIDING	1207 HARI

Rajah 4.1.2 : Kes Nafkah Anak yang melalui proses perbicaraan penuh

BIL	NO KES	TARIKH DAFTAR	TARIKH MAJLIS SULH	TARIKH PERINTAH SIAP	TEMPOH YANG DIAMBIL
1	2210-L1110-251-0006.S	03/10/2022	08/11/2022	10/11/2022	3 HARI
2	2211-L1110-251-0189.S	23/11/2022	22/12/2022	03/01/2023	14 HARI
3	2212-L1210-251-0262.S	22/12/2022	17/01/2023	26/01/2023	10 HARI
4	2301-L1010-251-0019.S	12/01/2023	31/01/2023	08/02/2023	8 HARI
5	2302-L1110-251-0086.S	02/02/2023	01/02/2023	03/03/2023	3 HARI

Rajah 4.1.2 : Kes tanpa melalui proses perbicaraan penuh menggunakan sistem e-Naf

4.1.3 Mengurangkan Kos Pelanggan

Penghasilan sistem e-Naf ini telah membantu mengurangkan kos yang ditanggung oleh pelanggan mahkamah seperti kos prosiding, kos guaman, kos perjalanan pergi balik ke mahkamah, kos penyediaan dokumen dan kos pemfailan dokumen. Kumpulan telah melaksanakan kaji selidik ke atas Peguam Syarie mengenai purata kos fi khidmat guaman yang dikenakan ke atas pelanggan dalam kes nafkah anak (**Lampiran 4.1.3.a**). Hasil daripada kaji selidik tersebut, kumpulan mendapati bahawa kos fi khidmat guaman yang perlu ditanggung oleh pelanggan mahkamah adalah seperti di **Rajah 4.1.3**



Rajah 4.1.3 Carta Pai Kos Fi Khidmat Guaman Kes Nafkah Anak

Hasil daripada analisa tersebut (**Lampiran 4.1.3.b**), kumpulan mendapati sistem e-Naf dapat memberikan penjimatan kos sehingga RM5000.00 dan ke atas kerana purata kos fi khidmat peguam yang dikenakan adalah sehingga RM5000.00.

4.1.4 Faedah Sampingan Pencapaian Outcome (Luar Jangka)

Sepanjang tempoh pengujian sistem e-Naf, kumpulan mendapati bahawa sistem e-Naf turut menyumbang kepada faedah sampingan seperti berikut:

i. Proses kerja kakitangan berjaya dikurangkan.

Proses kerja bagi tuntutan nafkah anak adalah merangkumi dari proses pendaftaran dan pemfailan kes, proses Majlis Sulh, pengurusan kes, perbicaraan dan penyediaan perintah. Dengan penggunaan sistem e-Naf ini, proses kerja kakitangan berjaya dikurangkan dengan cara iaitu memendekkan proses kerja tanpa perlu melalui proses pengurusan kes dan perbicaraan serta membantu Pegawai Sulh merangka draf Perjanjian Penyelesaian secara penjaan automatik. Perbandingan proses kerja yang melalui prosedur perbicaraan penuh menggunakan kaedah **TIMELINE (Lampiran 4.1.4a)** dan proses yang berjaya diselesaikan tanpa melalui prosedur perbicaraan penuh adalah sebagaimana di **Lampiran 4.1.4b**

ii. Peningkatan jumlah pelawat di laman web rasmi JAKES

Peningkatan jumlah pelawat di laman web rasmi JAKES dapat dilihat setelah kemudahan sistem e-Naf disediakan (**Lampiran 4.1.4c**)

4.2 Impak Projek dan Pembuktian

4.2.1 Penilaian Impak dan pembuktian

Peningkatan kadar kes nafkah anak yang melalui perbicaraan penuh berlaku kesan daripada pembukaan secara berperingkat sektor awam selepas daripada PKP. secara tidak langsung menjejaskan kualiti perkhidmatan yang ditawarkan oleh JAKES. Rentetan daripada itu, kumpulan telah menetapkan sasaran impak daripada pembangunan projek ini sebagaimana berikut :

i. Meningkatkan kepercayaan pelanggan terhadap prosiding kes nafkah anak di Mahkamah Syariah

Penghasilan projek ini dapat meningkatkan kepercayaan pelanggan terhadap prosiding di Mahkamah Syariah seterusnya memastikan penyampaian perkhidmatan dapat ditambah baik melalui penyelesaian kes yang pantas dan berkesan mengikut undang-undang selaras dengan Visi dan Misi JAKES itu sendiri. Kepercayaan daripada pengguna ini amat material kepada JAKES dalam memastikan bahawa perkhidmatan yang disediakan oleh JAKES kekal relevan dan dapat memenuhi keperluan rakyat di negeri Selangor. (**Lampiran 4.2.1a**)

ii. Meningkatkan imej JAKES dari segi perkhidmatan yang ditawarkan

Sistem e-Naf ini adalah merupakan **kalkulator yang pertama bagi pengiraan nafkah anak di Mahkamah Syariah seluruh Malaysia**, dalam membantu pelanggan mahkamah. Projek ini telah pun dilancarkan secara rasminya oleh YB Tuan Mohd Zawawi bin Ahmad Mughni di dalam Persidangan Komuniti Sulh dan Rakan Sokongan Keluarga (BSK) Tahun 2022 pada 15 Disember 2022, bertempat di Hotel Mardhiyyah, Shah Alam.

Hebahan tentang penghasilan sistem e-Naf melalui program tersebut telah meningkatkan imej JAKES dengan mendapat maklum balas yang positif telah diberikan oleh para peserta yang merupakan wakil dan ketua di kalangan masyarakat setempat di seluruh negeri Selangor. Ini memberikan impak yang sangat tinggi dan memberikan galakan kepada JAKES untuk terus

menyediakan perkhidmatan yang dapat membantu dan memudahkan pelanggan mahkamah.
(**Lampiran 4.2.1b**)

iii. Menyokong Agenda Malaysia Madani

Dengan adanya sistem e-Naf ini ianya dapat menggerakkan transformasi perkhidmatan kehakiman syariah serta memperkasakan sistem kehakiman syariah di Malaysia selaras dengan aspirasi kerajaan melalui agenda Membangun Malaysia Madani. YB Senator Dato Seri Dr. Hj. Mohd Na'im bin Hj. Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (HEA Agama) telah memberikan penghargaan melalui surat kepada JAKES atas inisiatif membantu pelanggan dalam mempercepatkan kes di mahkamah. (**Lampiran 4.2.1c**) Ini menjadikan JAKES mempunyai peranan yang amat signifikan bagi melaksanakan fokus gerak kerja dalam Memartabatkan Perundangan dan Kehakiman Islam.

4.2.2 Faedah Sampingan Pencapaian Impak (Luar Jangka)

Penghasilan Sistem e-Naf telah memberikan impak luar jangka dan berpotensi untuk dikembangkan dan diperluaskan di masa akan datang di seluruh Mahkamah Syariah di Malaysia. Berikut adalah faedah sampingan pencapaian impak luar jangka yang telah diterima oleh projek ini:

- i. Perkhidmatan ini juga mendapat hebahan, publisiti dan liputan daripada pihak Majlis Agama Islam Selangor melalui Buletin MAIS Bil.4/2022 Edisi Berita seperti di **Lampiran 4.2.2(a)**
- ii. Perkhidmatan ini telah memberikan ruang dan peluang kepada pelanggan dan kakitangan mahkamah untuk belajar mengendalikan perkhidmatan baharu ini secara sendiri bersesuaian dengan peredaran zaman masa kini. Kakitangan perkhidmatan yang terlibat turut membantu memudahkan pengguna dan meningkatkan cara komunikasi dengan pelanggan mahkamah dengan lebih berkesan
- iii. Sejak sistem e-Naf dilancarkan perkhidmatan ini mendapat maklum balas positif dan penghargaan daripada pelanggan mahkamah seperti di **Lampiran 4.2.2(b)**. Perkhidmatan Sistem e-Naf telah berjaya membantu pelanggan mahkamah membuat pengiraan dengan lebih tepat sekaligus memberi impak yang positif kepada perkhidmatan JAKES yang lain.



5.0 POTENSI PENGEMBANGAN PROJEK

5.1 Tahap Ketersediaan Teknologi/Sistem/Proses

5.1.1 Penanda aras kepada Mahkamah Rendah Syariah di seluruh Malaysia

Sistem e-Naf dapat dijadikan penanda aras kepada Mahkamah Rendah Syariah di seluruh Malaysia sekaligus membuktikan sistem e-Naf ini relevan dan memudahkan pelanggan Mahkamah mahupun kakitangan Mahkamah dapat menggunakannya.

5.1.2 Standard Operating Procedure (SOP)

SOP ini telah dikeluarkan sebagai rujukan dan pemudahcara kepada kakitangan dan pelanggan mahkamah. SOP yang telah dipersetujui oleh pihak pengurusan dan telah diminitkan di dalam Mesyuarat Hakim Syarie Bil 3/2022 pada 28 Oktober 2022 untuk digunapakai bagi seluruh warga kerja JAKES dan pelanggan mahkamah. **(Lampiran 5.1.2)**

5.1.3 Promosi akan disebar luas ke seluruh daerah di negeri Selangor termasuk agensi kerajaan, swasta, IPTA, IPTS dengan menggunakan akaun media sosial rasmi JAKES dan pengedaran bunting serta *flyers* **(Lampiran 5.1.3)**

5.2 Tahap Replikasi atau Pengkomersialan

5.2.1 Kumpulan tidak mensasarkan pengkomersialan kerana kumpulan memberi perkhidmatan untuk komuniti dan ianya adalah perkhidmatan menggunakan aplikasi di laman web rasmi JAKES. Kumpulan mensasarkan sistem e-Naf untuk diaplikasikan di seluruh Mahkamah Rendah Syariah di Selangor dan dikembangkan ke seluruh Mahkamah Rendah Syariah di Malaysia.

5.2.2 Kumpulan juga mensasarkan sistem e-Naf ini dikembangkan lagi penggunaannya di jabatan mahupun agensi luar yang berkaitan.

5.3 Penutup

Projek Kumpulan KIK Jeagers iaitu sistem e-Naf ini dapat membantu pelanggan dan kakitangan mahkamah dalam menentukan kadar nafkah anak. Ia juga menurunkan peratusan kes nafkah anak yang melalui perbicaraan penuh dalam bulan semasa. Bagi perancangan sistem e-Naf yang akan datang, kumpulan mensasarkan sistem ini diperluaskan penggunaannya dengan melantik penyelia Pusat Wanita Berdaya (PWB) di setiap DUN dan Ketua Kampung di seluruh Selangor sebagai wakil mahkamah dalam membantu pelanggan mahkamah yang tidak tahu menggunakan sistem e-Naf serta menjadi tempat rujukan awal penyelesaian masalah penduduk setempat. **(Lampiran 5.3)**. Sistem e-Naf ini juga akan bekerjasama dan berkolaborasi dengan agensi berkaitan seperti Lembaga Zakat Selangor dalam membantu mereka yang berkecukupan mendapatkan bantuan yang sewajarnya dari agensi terbabit demi kebajikan anak-anak. **(Lampiran 5.4)**



KIK JAEGERS

SISTEM E-NAF

"PENGIRAAN NAFKAH ANAK KINI DI Hujung JARI ANDA"


LAMPIRAN



JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH SELANGOR

LAMPIRAN BAB 1 :

LAMPIRAN 1.1 : SURAT LANTIKAN AHLI KUMPULAN




LAMPIRAN 1.2 : MINIT MESYUARAT KIK BIL 1/2021 BERTARIKH 18.01.2021

2. PERBINCANGAN GERAK KERJA PROJEK	
2.1	Mesyuarat mengambil maklum bahawa isu permasalahan yang tertinggi di Jabatan Kehakiman Syariah Selangor akan diambil kira sebagai salah satu projek yang akan diolah oleh kumpulan.
2.2	Pengerusi memaklumkan bahawa pihak Pengurusan Tertinggi JAKESS mengarahkan satu projek inovasi bagi membantu jabatan menghadapi peningkatan kes secara mendadak yang difailkan ke Mahkamah Syariah selepas dari Perintah Kawalan Pergerakan.
2.3	Mesyuarat mengambil maklum bahawa seramai 5 ahli kumpulan ada mencadangkan beberapa nama untuk kumpulan KIK. Mesyuarat telah bersepakat dan bersetuju untuk menamakan kumpulan KIK dengan nama Jaegers .

Tindakan: Semua Ahli Kumpulan

LAMPIRAN 1.2(a) : LOGO KUMPULAN DAN MAKSUDNYA




LAMPIRAN 1.3 : STATISTIK DAFTAR NAFKAH ANAK TAHUN 2020, 2021 DAN 2022

BULAN TAHUN	TAHUN 2020												
	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEP	OKT	NOV	DIS	JUMLAH
2020	77	69	44	0	5	55	81	62	59	41	34	61	588
2021	27	37	61	56	28	0	13	26	42	44	55	61	450
2022	64	52	71	59	48	57	64	81	67	46	55	59	723

LAMPIRAN 1.4 : NOTIS PEMBUKAAN MAHKAMAH



LAMPIRAN 1.5 : CARTA PERBATUAN



LAMPIRAN 1.6 : PELAN STRATEGIK JABATAN



Pelan Tindakan				
Tajuk: Memastikan Pentadbiran Kehakiman Dan Perundangan Syariah Ke Arah Mendaulatkan Syariat Islam				
Strategi: Penyediaan Nis Yang Cepat				
Maksud: Menguruskan Nis Yang Cepat				
PROSES	INDIKATOR SASARAN	SAJARAN (Masa Mula)	SAJARAN (Masa Akhir)	SAJARAN (Masa Akhir)
1. Memastikan Nis Yang Cepat	1. Nis Yang Cepat	1. 100%	2020	1. Berkesan dalam menguruskan Nis Yang Cepat
2. Memastikan Nis Yang Cepat	2. Nis Yang Cepat	1. 100%	2021	1. Berkesan dalam menguruskan Nis Yang Cepat
3. Memastikan Nis Yang Cepat	3. Nis Yang Cepat	1. 100%	2022	1. Berkesan dalam menguruskan Nis Yang Cepat
4. Memastikan Nis Yang Cepat	4. Nis Yang Cepat	1. 100%	2023	1. Berkesan dalam menguruskan Nis Yang Cepat



LAMPIRAN 1.7 : MINIT MESYUARAT KIK BIL 2/2021 BERTARIKH 31.03.2021

3.PERBINCANGAN GERAK KERJA

Mesyuarat mengambil maklum seperti berikut adalah:

- 3.1 Mesyuarat mengambil maklum perincian dapatan hasil perbincangan menggunakan kaedah 5W1H , *BRAINSTORMING* dan kaedah *Bubble Diagram* untuk mengenalpasti punca masalah dengan lebih terperinci.
- 3.2 Mesyuarat mengambil maklum bahawa projek yang telah dipilih dan dipersetujui oleh semua ahli kumpulan setelah dibuat undian dan melalui kaedah-kaedah *tools* adalah penggunaan sistem e-Naf. Sistem e-Naf ini adalah kalkulator pengiraan nafkah anak yang mana dapat membantu pelanggan untuk membuat pengiraan nafkah anak di dalam tuntutan kes nafkah anak di Mahkamah.

LAMPIRAN BAB 2 : SIGNIFIKAN PROJEK

LAMPIRAN 2.1 : MINIT MESYUARAT KIK BIL 2/2021 BERTARIKH 31.03.2021

- 3.3 Mesyuarat mengambil maklum bahawa projek e-Naf ini juga dapat memendekkan proses kerja bagi sebutan kes, perbicaraan yang panjang dan proses pengambilan perintah di Mahkamah.
- 3.4 Mesyuarat mengambil maklum bahawa hasil dapatan telah dipersetujui dan menetapkan sasaran projek kumpulan KIK Jaegers adalah membantu penyelesaian kes yang panjang menjadi 30 hari bekerja sahaja.
- 3.5 Mesyuarat mengambil maklum bahawa kumpulan ini akan membantu mengurangkan 10% penyelesaian kes nafkah anak melalui perbicaraan penuh.

Tindakan : Semua Ahli Kumpulan

LAMPIRAN 2.2 : STATISTIK KES DAFTAR NAFKAH ANAK TAHUN 2020, 2021 DAN 2022

TAHUN	DAFTAR	GAGAL	% GAGAL
2020	588	485	82.48%
2021	450	348	77.33%
2022	723	571	78.98%

LAMPIRAN 2.3 : TITAH SULTAN SELANGOR

Portal Rasmi
KERAJAAN NEGERI SELANGOR

LAMAN UTAMA | KETUAJAJAN | BAKYAT | KUKUTANGAN

Laman Utama > Sultan Selangor > Masih Banyak Kes Cerai, Harta Yang Ambil Masa Terlalu Lama

SULTAN SELANGOR : MASIH BANYAK KES CERAI, HARTA YANG AMBIL MASA TERLALU LAMA

SHAH ALAM, 21 FEB - Majlis Mahkamah Syariah Selangor mengingatkan supaya tidak menengah-ngecilkan keperluan kes kerela masih terdapat banyak tuntutan sengketa harta yang melibatkan pemisahan dan pembahagian harta yang mengambil masa terlalu lama.


Sultan Pengiran Mahkota Persekutuan Islam II

Diabadikan Sultan Selangor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar dalam ucapan yang berkesan apabila Mahkamah Syariah menengah-ngecilkan pengiraan, ia akan menyebabkan perubahan mereka yang terlibat akan terganggu.

Sebagai Sultan Selangor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar telah mengambil langkah untuk memastikan bahawa kes-kes ini dapat diselesaikan dengan lebih pantas dan adil. Beliau juga telah mengambil langkah untuk memastikan bahawa kes-kes ini dapat diselesaikan dengan lebih pantas dan adil.

Agak banyak kes yang berlaku dalam masa yang singkat ini yang memerlukan ke Mahkamah Syariah untuk menyelesaikan masalah ini dan diambil tindakan dengan segera.

LAMPIRAN 2.4 : FB RASMI YB SENATOR DATO' SETIA DR. MOHD NA'IM BIN MOKHTAR



LAMPIRAN 2.5 : UCAPAN MANTAN PERDANA MENTERI MALAYSIA KE-9

LAMPIRAN 2.5(a) : ARAHAN AMALAN JKSM NO.6 TAHUN 2022



LAMPIRAN 2.6 : KERATAN AKHBAR BERITA HARIAN - UCAPAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HEA AGAMA)



LAMPIRAN 2.7 : NOTIS PEMBUKAAN MAHKAMAH SYARIAH



LAMPIRAN 2.8 : HASIL UNDIAN AHLI KUMPULAN MELALUI BRAINSTORMING

NAMA AHLI	SUKAR MENENTUKAN KADAR NAFKAH	TIADA PERSETUJUAN PIHAK-PIHAK	PROSES KERJA YANG PANJANG
MOHD KHAIRI	✓	✓	✓
MARINA	✓	✓	✓
SHAHIRA	✓	✓	
NABILAH	✓	✓	
NAJIVINLINDA	✓	✓	✓
JUMLAH	5	5	3

(HASIL UNDIAN PUNCA ISU)

NAMA AHLI	SISTEM	APLIKASI	RUNDINGCARA
MOHD KHAIRI	✓		
MARINA	✓		
SHAHIRA	✓	✓	
NABILAH	✓	✓	
NAJIVINLINDA	✓		✓
JUMLAH	5	2	1


(HASIL UNDIAN PERBANDINGAN SISTEM, APLIKASI DAN RUNDINGCARA)

NAMA AHLI	MANUAL	KELEBIHAN SISTEM
MOHD KHAIRI	TIDAK SEMUA PIHAK SETUJU	KES BERJAYA SELESAI MENINGKAT
MARINA	BEBAN KERJA KAKITANGAN BERTAMBAH	BEBAN KERJA KAKITANGAN BERKURANG
SHAHIRA	PERLU ISI BORANG	SISTEMATIK
NABILAH	KOS BAYARAN	KOS PERJALANAN PELANGGAN BERKURANG
NAJIVINLINDA	PERLU ISI BORANG	CEPAT

LAMPIRAN 2.8(a) : KAEDAH BUBBLE DIAGRAM



LAMPIRAN 2.8(b) : KAEDAH BOW TIE




LAMPIRAN 2.8(c) : KAEDAH SMART

SASARAN	S SPECIFIC	M MEASUREABLE	A ACHIEVEABLE	R REALISTIC	T TIME BOUND	KEPUTUSAN
PENURILAN SEBANYAK 10% KES NAKKAH ANAK MELALUI PERBICARAAN PENUH PADA BULAN SEMASA	MENYEDAKAN PERKHIDMATAN SISTEM KIRAAN NAKKAH ANAK KEPADA PELANGGAN TANPA PERLU BERTANYA DIKALINTER MAHKAMAH	PENGUKURAN DIBUAT BERDASARKAN STATISTIK KES SULU NAKKAH ANAK BERSTATUS BERJAWA	MATLAMAT MUNGKIN TIDAK DAPAT DICAPAI SEKIRANYA SISTEM PENGIRAAN NAKKAH TIDAK DIWUJUDKAN	BERDASARKAN PERATUTAN KES NAKKAH ANAK MELALUI PERBICARAAN PENUH (JUN - OGOS 2022) 80.63 %	SETAHUN	DITERIMA
PROSES PENYEDIAAN PERINTAH DALAM TEMPOH 30 HARI	MENYEDAKAN TEMPLATE PERUNTUKAN DAN PERINTAH NAKKAH ANAK	PENGUKURAN DIBUAT BERDASARKAN TEMUAN/NI PENGAMBILAN PERINTAH SECARA DALAM TALIAN	MATLAMAT MUNGKIN TIDAK DAPAT DICAPAI SEKIRANYA TEMPLATE TIDAK DIWUJUDKAN	BERDASARKAN REKOD AKUAN PENEBIHAN PERINTAH (JUN - OGOS 2022) SEBANYAK 1,117 KES	30 HARI	DITERIMA

LAMPIRAN BAB 3 : TINDAKAN PENYELESAIAN DAN PEMBUKTIAN

LAMPIRAN 3.1 : KAEDAH THREE DIAGRAM



LAMPIRAN 3.2 : MINIT MESYUARAT KIK BIL 2/2022 PADA 2/8/2022

*pemilihan pengiraan nafkah anak menggunakan sistem e-naf

3. PERBINCANGAN GERAK KERJA PROJEK

3.1 Pengerusi mengemukakan cadangan mengatasi masalah kadar peningkatan kelewatan keluar perintah tuntutan nafkah anak disebabkan masalah untuk menentukan kadar nilai nafkah anak di mahkamah – mahkamah rendah jabatan kehakiman syariah selangor. Cadangan yang dipersetujui dan diperoleh dari kesemua ahli kumpulan adalah :

- Sistem e-naf
- Kod qr
- Sistem pengiraan manual

3.2 Ahli kumpulan telah menjalankan sistem undian terhadap cadangan yang dikemukakan. Hasil daripada keputusan tersebut, kesemua **5 orang ahli telah memilih kaedah pengiraan nafkah anak menggunakan sistem E-naf.**

Tindakan: Semua Ahli Kumpulan

LAMPIRAN 3.3 : KAEDAH SCAMPER

S PENGANTI	C GABUNGAN	A PENYESUAIAN	M UBAHSUAI	P KEGUNAAN	E SINGKIR	R KAJI SEMULA
Dari mengisi pengiraan secara manual kepada sistem pengiraan nafkah anak (e-Naf)	* sistem e-naf * kod qr * pengiraan manual	Boleh digunakan untuk semua Mahkamah Syariah di seluruh Malaysia	*Masukkan maklumbalas serta merta *struktur	Boleh jadi rujukan yang sama untuk semua negeri	Patankan produk kos ditanggung oleh jabatan	Guna aplikasi dalam telefon mudah alih
Membantu menyediakan sistem perkhidmatan dan memudahkan kepada pengguna untuk mengira nafkah anak bulanan dengan menggunakan sistem pengiraan nafkah anak (E-NAF)						

LAMPIRAN 3.4 : CONTOH GOOGLE FORM BAGI MENJALANKAN KAJI SELIDIK RESPONDEN PADA 3 HINGGA 9 OGOS 2022

The Google Form consists of several sections:

- Section 1: Introduction** - Explains the purpose of the form and the importance of the data collected.
- Section 2: BAHAGIAN A : MAKLUMAT PERIBADI** - Collects personal information, including gender (JANTINA) and marital status (STATUS).
- Section 3: SOALAN 4** - Asks if the respondent needs a system for calculating child maintenance (NAFKAH ANAK PERLUKAN SISTEM).
- Section 4: SOALAN 5** - Asks what system should be implemented (SISTEM YANG PERLU DIWUJUDKAN).


LAMPIRAN 3.5 : ANALISIS SOAL SELIDIK DARI GOOGLE FORM ANALISA RESPONDEN : SOAL SELIDIK MENGENAI PERKHIDMATAN YANG DIPERLUKAN OLEH PENGGUNA SEMASA MENGISI MEDAN NILAI NAFKAH ANAK DALAM BORANG TUNTUTAN NAFKAH ANAK

	SOALAN 1		SOALAN 2		SOALAN 3	
SOALAN	JANTINA		STATUS		KATEGORI	
	LELAKI	PEREMPUAN	SUDAH BERKAHWIN	TELAH BERCERAI	PEMOHON/ PLAINTIF	RESPONDEN/ DEFENDAN
JUMLAH RESPONDEN	18	32	17	33	36	14
PERATUS	36%	64%	34%	66%	72%	28%
	SOALAN 4		SOALAN 5			
SOALAN	NAFKAH ANAK PERLUKAN SISTEM		SISTEM YANG PERLU DIWUJUDKAN			
	YA	TIDAK	E-NAF	KOD QR	MANUAL	
JUMLAH RESPONDEN	38	12	21	17	12	
PERATUS	76%	24%	42%	34%	24%	

LAMPIRAN 3.6 : MINIT MESYUARAT KIK BIL 3/2022 PADA 12/8/2022

3. PERBINCANGAN GERAK KERJA PROJEK Mesyuarat mengambil maklum bahawa seperti yang berikut :	
3.1	Pengerusi membentangkan bahawa kaji selidik yang dijalankan kepada 50 pengguna yang pernah berurusan di Mahkamah dengan menggunakan google form. Sebanyak 42% bersamaan 21 orang pengguna telah memilih untuk menggunakan perkhidmatan sistem kalkulator pengiraan nafkah anak (e-naf) sebagai medium bagi mereka mengira nafkah anak bulanan.
3.2	Pengerusi memaklumkan juga ahli kumpulan telah menjalankan undian dan majoriti memilih perkhidmatan sistem kalkulator nafkah anak (e-naf).
Tindakan: Semua Ahli Kumpulan	

LAMPIRAN 3.7 : SURAT KELULUSAN MENJALANKAN PROJEK

 جہاتن کھاکیمون شریعہ سلاطون دارالاحسان JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH SELANGOR DARUL EHSAN Bengawan Mahkamah Syariah Sultan Idris Shah Bengawan Majlis, Tingkat 5 80000 Shah Alam TEL: 03-40101011, 03-4011104 03-4011106, 03-4011108 Faks : 03-40101020, 03-4010106 Laman Rangkaian : www.jksh.gov.my ANWAR/Selenggara: Ruj. Kami : JAKESS 100-14/5 Jld. 4 (49) Tarikh : thb. September, 2022 4 Safar 1444	JAKESS 100-14/5 Jld. 4 (49) -2- Jabatan ini berharap agar KIK Jaegers dapat terus menghasilkan produk-produk yang inovatif dan kreatif seterusnya membantu menambahkan penyampaian perkhidmatan Jabatan ini kepada para pelanggan. Sekian. Terima kasih. "SELANGOR MAJU BERSAMA" "BERKHIDMAT UNTUK NEGARA" "Syariah Asas Keadilan" Saya yang menjalankan amanah,  (DATO' MOHAMMAD ADIB BIN HUSAIN) DPMS, SMS, AMN Ketua Hakim Syariah MTNK-
--	--

LAMPIRAN 3.8 : MINIT MESYUARAT KIK BIL 4/2022 BERTARIKH 14/9/2022

4. Projek e-Naf	
4.2	mesyuarat mengambil maklum bahawa projek e-Naf telah membangunkan prototaip 1 dan telah menjalani tempoh uji cuba dari 2 september - 9 september 2022 di MRS Klang dan MRS Kuala Selangor. hasil dapatan dari uji cuba yang telah dilakukan terdapat beberapa permasalahan yang berlaku dan kekurangan dari prototaip 1 yang dibangunkan ini. kumpulan akan cuba memperbaiki kekurangan tersebut sebelum uji cuba seterusnya dilakukan.
Makluman 4.3 mesyuarat bersetuju agar analisa kaji selidik keberkesanan prototaip yang seterusnya yang akan dijalankan dibentangkan dalam mesyuarat kumpulan inovatif dan kreatif bilangan yang akan datang. KIK JAEGER'S	

LAMPIRAN 3.9 : MINIT MESYUARAT ADR BIL 3/2022

7. PEMBENTANGAN PROJEK KIK E-NAF	
7.1	Pembentangan projek Kumpulan Kreatif dan Inovatif (KIK) Jaegers berkaitan projek sistem pengiraan Nafkah Anak atau e-Naf dibentangkan oleh Tuan Mohd Khairi Bin Kamis. (Rujuk Lampiran E).
	(Makluman)
7.2	Mesyuarat mengambil maklum bahawa projek ini dalam fasa uji cuba kali ke-2 ke atas Protaip ke-2. Hasil dapatan dari uji cuba ini terdapat beberapa kekurangan mengenai projek ini untuk ditambahbaik. Kumpulan ini akan membuat penambahbaikan mengenai sistem e-Naf ini dan mengharapkan maklum balas dari ahli mesyuarat sekiranya ada cadangan bagi penambahbaikan terhadap projek ini boleh disalurkan kepada ketua Kumpulan Jaegers.
	Mesyuarat juga mengambil maklum bahawa pembentangan dapatan bagi hasil uji cuba seterusnya mengenai sistem e-Naf juga akan dibuat di dalam Mesyuarat Hakim-hakim Syarie Bil.3 tahun 2022 yang akan datang bagi tujuan pemakluman dan membuka sebarang ruang bagi cadangan penambahbaikan terhadap sistem ini.
	(Tindakan : Tuan Mohd Khairi Bin Kamis)

LAMPIRAN 3.10 : MINIT MESYUARAT DAN MUZAKARAH HAKIM SYARIE BIL. 3/2022

5.5.3	Mesyuarat mengambil maklum bahawa projek ini telah menjalani fasa uji cuba kali ke-3 ke atas Protaip yang ke-3 yang telah dibangunkan. Hasil dapatan dari uji cuba tersebut seperti yang dibentangkan, kumpulan ini berpuashati dengan maklum balas yang positif daripada pelanggan mahkamah mahupun kakitangan mahkamah.
	Mesyuarat mengambil maklum Kumpulan ini akan menjalankan uji cuba seterusnya ke atas Protaip ke-3 ini bagi memastikan projek Sistem e-Naf ini telah bersedia untuk digunakan oleh pengguna. Hasil dapatan uji cuba seterusnya akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Hakim yang akan datang.
	(Tindakan: Tuan Mohd Khairi Bin Kamis)

LAMPIRAN 3.11 : MINIT MESYUARAT KIK BIL 5/2022 PADA 7/10/2022

3. PERBINCANGAN GERAK KERJA PROJEK	
Mesyuarat mengambil maklum bahawa seperti yang berikut :	
3.1	Pengerusi memaklumkan cadangan pelancaran perkhidmatan e-Naf yang diajukan kepada pihak pengurusan telah dipersetujui dan perkhidmatan tersebut diminta untuk segera digunakan secara rasmi pada 10 Oktober 2022 bagi memastikan perkhidmatan sistem kalkulator pengiraan nafkah anak boleh digunakan bagi membantu pengguna-pengguna mengira jumlah bulanan nafkah anak dalam borang tuntutan nafkah anak.
3.2	Ahli kumpulan bersetuju agar pelancaran diadakan dan ujicuba terhadap perkhidmatan ini akan diadakan secara berterusan sehingga hujung bulan Disember 2023.
3.3	Selepas perbincangan ahli kumpulan bersetuju menggunakan tagline 'Pengiraan Nafkah Anak Kini di Hujung Jari Anda'.
	Tindakan: Semua Ahli Kumpulan

LAMPIRAN 3.12 : MINIT MESYUARAT ADR BIL 1/2023

3.3 Perkembangan projek e-Naf

- 3.3.1 Mesyuarat mengambil maklum bahawa pembentangan mengenai sistem e-Naf telah dibuat di dalam Mesyuarat Hakim-Hakim Syariah pada 28 Oktober 2022 sebagai pemakluman dan untuk mendapatkan cadangan penambahbaikan terhadap sistem ini.
- 3.3.2 Mesyuarat mengambil maklum bahawa sistem e-Naf telah menjalani tempoh uji cuba bagi Prototaip 3 sepanjang bulan Oktober 2022 sehingga Disember 2022. Bagi perkembangan terkini, sistem e-Naf telah mendapat maklum balas yang positif dari pengguna dan jumlah kes berstatus berjaya semakin meningkat sepanjang tempoh uji cuba ke-3 sehingga ke-5 iaitu dari 36.96% sehingga 45.76%.

LAMPIRAN 3.13 : UCAPAN PENGHARGAAN OLEH YB TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal EHWAL Agama Islam, Hal EHWAL Pengguna Dan Industri Halal Selangor; Dan

UCAPAN PENGHARGAAN OLEH YAA DATO' HAJI MOHD AMRAN BIN HAJI MAT ZAIN HAKIM MAHKAMAH RAYUAN SYARIAH JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA

Selaras Pinang

السلم عليكم ورحمة الله وبركاته

Selamat pagi bagi Allah S.W.T Tuhan seluruh alam. Selawat dan salam ke atas junjungan mulia Nabi Muhammad S.A.W, ahli keluarga serta para sahabat Baginda.

Terdahulu, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS) di atas penghormatan yang diberikan kepada saya untuk merasmikan Persidangan Komuniti Sult & Rakan Sokongan Keluarga (BSK) Negeri Selangor Tahun 2022.

Persidangan ini menjadi platform untuk mewujudkan jaringan sosial di antara semua "alumni" peserta dari 6 siri Kursus Asas Komuniti Sult & Rakan Sokongan Keluarga yang dianjurkan oleh JAKESS sejak 2019 sehingga kini, dari kalangan Imam, Nazir, Biro Helwa (muslimat) masjid-masjid seluruh Selangor serta Penyelia Pusat Wanita Berdaya di setiap DUN Negeri Selangor. Saya melihat persidangan ini dapat menjadi wadah pencetus kemufakatan untuk menghasilkan resolusi yang lebih jelas, kemas dan tuntas mengenai bentuk-bentuk perkhidmatan yang lebih efisien untuk diberikan kepada masyarakat yang memerlukan di luar sana berdasarkan advokasi perundangan dan kemahiran-kemahiran yang telah dipelajari dari kursus tersebut seperti kemahiran Sult/mediasi, serta fungsi Mahkamah Syariah dan Bahagian Sokongan Keluarga (BSK).

Pendekatan nungging secara damai seperti kemahiran Sult/mediasi, pemahaman mengenai fungsi Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) serta pengenalan sistem E-naf, iaitu sistem pengiraan digital atau "kalkulator" penentuan jumlah kadar nafkah anak secara dalam talian akan dapat membuka mata banyak pihak mengenai hak-hak yang sewajarnya dilaksanakan mengikut hukum syarak tetapi telah diabaikan sekian lama. Dengan kaedah dan pendekatan yang beriklimah lagi bijaksana, isu-isu seperti tuntutan nafkah akan dapat diselesaikan dengan persetujuan pihak-pihak itu sendiri tanpa perlu berpanjangan melalui proses bicara di Mahkamah Syariah di samping dapat menjaga aib dan menjamin kehormatan keluarga masing-masing. Ini selari dengan tuntutan Islam yang sentiasa menyeru kepada perdamaian, serta menghindari perceraian dan sengketa berpanjangan.

Kerajaan Negeri Selangor juga turut memberikan komitmen kepada usaha ini melalui Belanjawan Selangor 2023, dengan mewujudkan Inisiatif Dana Bantuan Guaman Selangor bagi kes sivil dan kes syariah termasuklah bagi isu-isu berkaitan kekeluargaan dan isu keganasan domestik melibatkan rakyat negeri Selangor kategori B40 atau yang kurang berkemampuan. Inisiatif ini dapatlah kiranya dieksploitasi oleh peserta persidangan hari ini kepada masyarakat di luar sana agar segala usaha oleh Kerajaan Negeri Selangor dapat dinikmati bersama, selaras dengan tema #KitaSelangor dalam Belanjawan tersebut yang membawa semangat kekitaan dan semangat kerjasama untuk saling membantu segenap lapisan masyarakat di negeri tercinta ini.

Akhir kata, saya mengucapkan selamat maju jaya kepada semua peserta persidangan hari ini dan sekali lagi ucapan tahniah kepada JAKESS di atas penganjuran program hari ini. Inisiatif dan penganjuran program sebegini oleh JAKESS wajar dipuji kerana ia jelas menggambarkan peranannya sebagai salah sebuah agensi agama yang membawa islah kepada masyarakat. Saya mendoakan semoga JAKESS akan sentiasa berdedikasi dalam segenap aspek pentadbirannya sekaligus meningkatkan imej Islam, Negeri Selangor dan Malaysia.

Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI
Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal EHWAL Agama Islam,
Hal EHWAL Pengguna Dan Industri Halal Selangor.

جانب كمالين عليميا
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA
DEPARTMENT OF SYARIAH JUDICIARY MALAYSIA
Blok C, Kompleks Islam Putrajaya
No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA
Tel : 603-8970 0000 / 0001
Fax : 603-8970 0000
Portal Rasmi : www.jkm.gov.my

No. Ruj. : JKSM 100-2/771 JLD 4 (91)
Tarikh : 3 Mac 2023
Tahkim : 10 Syaaban 1444H

YAA Dato' Mohammad Adib Bin Husain
Ketua Hakim Syariah
Jabatan Kehakiman Syariah Selangor,
Bangunan Mahkamah Syariah Sultan Idris Shah,
Persiaran Masjid, Seksyen 5,
40000 Shah Alam, Selangor.

السلم عليكم ورحمة الله وبركاته

YAA Dato',

UCAPAN TAHNIAH DAN PENGHARGAAN DI ATAS PELANCARAN PROJEK INOVASI SISTEM PENGIRAAN NAFKAH ANAK SECARA DALAM TALIAN "E-NAF".

Saya mendoakan semoga YAA Dato' dan warga kerja Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS) senantiasa beroleh kesejahteraan dan berada di dalam lindunganNya.

2. Saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan penghargaan kepada JAKESS kerana telah mengambil pendekatan proaktif untuk membantu pelanggan Mahkamah dalam menangani permasalahan terutama berkaitan dengan nafkah anak. Inisiatif JAKESS ini juga amat bertepatan dengan kehendak Arahan Amalan No. 6 Tahun 2022 JKSM iaitu keperluan pemfalan kes tuntutan nafkah anak bersama kes tuntutan permohonan perceraian atau pembubaran perkahwinan (dengan kehadiran suami), yang boleh membantu pelanggan Mahkamah dalam mengagkarkan kadar yang sesuai bagi nafkah anak.

3. Saya merasakan sistem e-Naf dari JAKESS ini dapat membantu dalam penyelesaian penentuan kadar nafkah anak, khususnya kepada pelanggan Mahkamah dan umumnya kepada kakitangan Mahkamah juga. Secara tidak langsung ia dapat mengurangkan kadar kes yang akan menjalani tempoh perbicaraan yang panjang dan mengelakkan kes yang banyak kepada pelanggan Mahkamah.

4. Saya amat berharap komitmen dan perkhidmatan yang diberikan oleh pihak JAKESS akan berterusan bagi memantapkan serta meningkatkan lagi mutu perkhidmatan kepada pengguna. Segala usaha murni ini dapat diteruskan dengan penuh ilham bagi merealisasikan hasrat "Membangun Malaysia Madani".

Berbagai agenda yang dibawa oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal EHWAL Agama) bertepatan "Mengangkat Martabat Islam, Membangun Malaysia Madani" akan dapat direalisasikan hasil kerjasama dan kolaborasi yang erat pihak YAA Dato' dan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia jua.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"SYARIAH ASAS KEADILAN"

Saya yang menjatuhkan amanah,

(DATO' HAJI MOHD AMRAN BIN HAJI MAT ZAIN)
Hakim Mahkamah Rayuan Syariah
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia

LAMPIRAN 3.14 : LIPUTAN PIHAK MEDIA SELANGOR KINI



LAMPIRAN 3.15 : PROMOSI DENGAN MENGEDARKAN BUNTING DI SELURUH LOKASI MAHKAMAH RENDAH SYARIAH DI SELANGOR



LAMPIRAN 3.16 : MANUAL PROSES KERJA E-NAF KEPADA WAKIL KAKITANGAN JAKES



LAMPIRAN 4.1.3.a : CONTOH GOOGLE FORM BAGI MENJALANKAN KAJI SELIDIK KOS FI KHIDMAT GUAMAN PADA PEGUAM SWASTA


[illegible]

LAMPIRAN 4.1.3.b: ANALISA RESPONDEN : SOAL SELIDIK MENGENAI KOS FI KHIDMAT GUAMAN BAGI KES NAFKAH ANAK

SOALAN	JANTINA		KATEGORI		KOS FI GUAMAN MELALUI PERBICARAAN PENUH			
	LELAKI	PEREMPUAN	PEGUAM PEMOHON/ PLAINTIF	PEGUAM RESPONDEN/ DEFENDAN	RM1K-2K	RM2001 - RM3K	RM3001 - RM5K	RM5001 & KE ATAS
JUMLAH RESPONDEN	11	39	41	9	1	10	14	26
PERATUS	22%	78%	82%	18%	2%	20%	28%	50%

SOALAN	SOALAN 4				SOALAN 5			SOALAN 6			
	KOS FI GUAMAN TANPA PERBICARAAN PENUH				TEMPOH KES SELESAI MELALUI PERBICARAAN PENUH			TEMPOH KES SELESAI TANPA PERBICARAAN PENUH			
	RM1K - RM2K	RM2001 - RM3K	RM3001 - RM5K	RM5001 & KE ATAS	5 BULAN - 1 TAHUN	1 TAHUN - 2 TAHUN	MELEBIHI 2 TAHUN	1 BULAN - 3 BULAN	3 BULAN - 6 BULAN	6 BULAN - 9 BULAN	LEBIH 1 TAHUN
JUMLAH RESPONDEN	13	33	3	1	8	16	26	33	15	1	1
PERATUS	26%	66%	6%	2%	16%	32%	52%	66%	30%	2%	2%

LAMPIRAN 4.1.4.a : KAEDAH TIMELINE (PERBICARAAN PENUH)




LAMPIRAN 4.1.4.b : KAEDAH TIMELINE (SEBELUM DAN SELEPAS TANPA PERBICARAAN PENUH)






LAMPIRAN 4.1.4c : STATISTIK PELAWAT WEBSITE JAKESS



STATISTIK PELAWAT WEBSITE JAKESS



STATISTIK PELAWAT GUNAKAN E-NAF

LAMPIRAN 4.2.1a : KOMEN ORANG AWAM DALAM MEDIA SOSIAL JAKESS



LAMPIRAN 4.2.1b : MAKLUM BALAS PESERTA PERSIDANGAN KOMUNITI SULH DAN RAKAN BSK TAHUN 2022 TENTANG SISTEM E-NAF MELALUI GOOGLE FORM DAN ANALISA MAKLUM BALAS

Questions Responses Settings

MAKLUM BALAS PESERTA PERSIDANGAN KOMUNITI SULH DAN RAKAN BSK

Borang kaji selidik ini adalah untuk mengetahui maklumbalas terhadap Sistem e-Naf.

Segala data dan maklumat yang diperolehi daripada anda adalah rahsia dan hanya akan digunakan untuk tujuan kajian sahaja.

JANTINA *

☐ Lelaki

☐ Perempuan

1. Adakah Sistem e-Naf mudah difahami? *

1 2 3 4 5

Sangat Tidak Berpuas Hati Sangat Berpuas Hati

2. Adakah Sistem e-Naf bersifat mesra pengguna? *

1 2 3 4 5

Sangat Tidak Mesra Pengguna Sangat Mesra Pengguna

3. Pada pandangan anda, adakah Sistem e-Naf membantu pihak-pihak? *

1 2 3 4 5

Sangat Tidak membantu Sangat membantu

4. Adakah anda berpuas hati dengan Sistem e-Naf? *

1 2 3 4 5

Sangat Tidak Berpuas Hati Sangat Berpuas Hati

	SOALAN 1		SOALAN 2					SOALAN 3				
SOALAN	JANTINA		ADAKAH SISTEM E-NAF MUDAH DIFAHAMI?					ADAKAH SISTEM E-NAF BERSIFAT MESRA PENGGUNA?				
	LELAKI	PEREMPUAN	SANGAT TIDAK FAHAM	TIDAK FAHAM	TIDAK PASTI	MUDAH FAHAM	SANGAT MUDAH FAHAM	SANGAT TIDAK MESRA	TIDAK MESRA	TIDAK PASTI	MESRA	SANGAT MESRA
JUMLAH RESPONDEN	18	17	0	2	1	19	13	0	2	1	18	14
PERATUS	51.4%	48.6%	0%	5.7%	2.9%	54.3%	37.1%	0%	5.7%	2.9%	51.4%	40%
	SOALAN 4							SOALAN 5				
SOALAN	ADAKAH SISTEM E-NAF MEMBANTU PIHAK-PIHAK							ADAKAH ANDA BERPUAS HATI DENGAN SISTEM E-NAF				
	SANGAT TIDAK MEMBANTU	TIDAK MEMBANTU	TIDAK PASTI	MEMBANTU	SANGAT MEMBANTU	SANGAT TIDAK PUAS HATI	TIDAK PUAS HATI	TIDAK PASTI	PUAS HATI	SANGAT PUAS HATI		
JUMLAH RESPONDEN	0	0	4	16	15	0	1	3	19	12		
PERATUS	0%	0%	11.4%	45.7%	42.9%	0%	2.9%	8.6%	54.3%	34.3%		

(Lampiran 4.2.1c) Surat Penghargaan YB Senator Dato Seri Dr. Hj. Mohd Na'im bin Hj. Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (HEA Agama)

 MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA) No. Ruj : MHEA 100-5/5/1 JLD 2 (52) Tarikh : 24 Mac 2022 Talwin : 02 Ramadan 1444H YAA Dato' Mohamad Adib bin Husah, Ketua Hakim Syariah, Jabatan Kehakiman Syariah Selangor, Bangunan Mahkamah Syariah Sultan Iskandar, Persiaran Masjid, Seksyen 5, 40000 Shah Alam, Selangor.  YAA Dato', UCAPAN TAHNIAH DAN PENGHARGAAN DI ATAS INISIATIF INOVASI SISTEM PENGIRAAN NAFKAH ANAK SECARA DALAM TALIAN "E-NAF". Saya mendoakan semoga YAA Dato' dan warga kerja Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS) senantiasa beroleh kesejahteraan dan berada di dalam lindungannya. 2. Saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan penghargaan kepada JAKESS kerana telah mengambil pendekatan proaktif untuk membantu masyarakat dalam menangani permasalahan terutamanya berkaitan dengan nafkah anak. Inisiatif JAKESS ini juga amat bertepatan dengan salah satu Pelan Transformasi Al-Falah yang telah diumumkan di peringkat agensi hal ehwal Islam iaitu dalam usaha memartabatkan perundangan dan kehakiman Islam. 3. Mahkamah Syariah sebenarnya memainkan peranan utama serta mencari idea baharu bagi memperkembangkan tempoh masa perbicaraan tanpa memperludisiakan isu keadilan. Kewujudan sistem e-Naf ini merupakan suatu pembaharuan perkhidmatan yang boleh memberi impak yang signifikan kepada masyarakat khususnya di Selangor malah dengan sistem ini juga, secara tidak langsung juga dapat merendahkan tempoh penyelesaian suatu kes daripada memberi penganiyaan dan kezaliman kepada pihak yang tertidur.	MHEA 100-5/5/1 JLD 2 (52) 4. Saya berharap semoga JAKESS terus memberi komitmen dalam perkhidmatan kepada masyarakat dan menjadi contoh terbaik kepada Mahkamah Syariah di seluruh Malaysia dalam menjadi penggerak transformasi perkhidmatan kehakiman syariah. Segala usaha murni ini dapat dituskan dengan penuh liltizam bagi merealisasikan hasrat "Membangun Malaysia Madani". Justeru, saya mengharapkan sokongan dari JAKESS dalam memacu serta mengerjakan transformasi perkhidmatan kehakiman syariah melalui Pelan Transformasi Al-Falah terutama demi memartabatkan Institusi Kehakiman Syariah di Malaysia. Semoga agenda yang diperkenalkan ini, yang bertepatan "Mengangkat Martabat Insan, Membangun Malaysia Madani" akan dapat direalisasikan hasil sokongan dan kerjasama yang erat dari pihak YAA Dato'. Sekian, terima kasih. "MALAYSIA MADANI" "BERKHIDMAT UNTUK NEGARA" "SYARIAH ASAS Keadilan" Saya yang menjalinkan^{an} anah,  (DATO' SETIA DR. HJ. MOHD NA'IM BIN HJ. MOKHTAR) Menteri di Jabatan Perdana Menteri (HEA Agama)
--	---

LAMPIRAN 4.2.2.a : KERATAN BULETIN EDISI MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR (MAIS) BIL 4 / OKT- DIS 2022

JAKESS Mengadakan Persidangan Komuniti Sulh & Rakan Sokongan Keluarga Serta Pelancaran Aplikasi E-Naf

DISEMBER 2022 – Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS) melancarkan sistem pengiraan digital penentuan jumlah kadar nafkah anak, E-Naf dalam program Persidangan Komuniti Sulh & Rakan Sokongan Keluarga (BSK) Negeri Selangor Tahun 2022 bertempat di Hotel Mardhiyyah, Shah Alam.

Edisi



4/2022 | Edisi Berita
13

LAMPIRAN 4.2.2(b) - MAKLUM BALAS DARI PENGGUNA SISTEM E-NAF

MAKLUM BALAS ANALISIS KAJI SELIDIK KEBERKESANAN PENGGUNAAN SISTEM e-NAFKAH (e-Naf)	
BIL	CADANGAN
1	Sistem yang bagus
2	Tiada
3	Sangat membantu untuk memudahkan perbincangan pihak-pihak
4	Sistem ini secara keseluruhannya sangat baik dan agak memudahkan untuk pengiraan
5	Baik
6	Sangat bagus
7	Mudah difahami
8	Harus dikekalkan sistem begini untuk memudahkan urusan pelanggan
9	Okay sangat. Sistem yang jelas.
10	Memudahkan untuk berbincang antara pihak-pihak
11	Ok. Sistem baik.
12	Tidak perlu ulang alik ke mahkamah untuk bertanya
13	Sangat bagus dan dpt tlg Dr masuk bicara
14	Anggaran jumlah kiraan sistem yang bersesuaian
15	Cepat. Pantas. Terbaik.

LAMPIRAN BAB 5 : POTENSI PERKEMBANGAN PROJEK

LAMPIRAN 5.1 : MINIT MESYUARAT HAKIM BIL 3/2022 - KELULUSAN PENGGUNAAN MANUAL PROSEDUR KERJA (SOP) SISTEM E-NAF

5.5.4 Mesyuarat mengambil maklum bahawa pihak pengurusan bersetuju dan berpuashati di atas *Standard Operation Procedure (SOP)* Sistem e-Naf yang telah dicadangkan untuk digunakan SOP ini sebagai pemudahcara kepada kakitangan dan pelanggan mahkamah untuk menggunakan perkhidmatan ini seperti di Lampiran A.

(Tindakan: Makluman)

STANDAR OPERASIONAL PROSEDUR (SOP) SISTEM e-NAF


CARTA ALIR PROSES MANUAL UNTUK PENGGUNA
SISTEM E-NAF



CARTA ALIR PROSES MANUAL UNTUK KAKITANGAN
SISTEM E-NAF



LAMPIRAN 5.2 : PENGEDARAN RISALAH DAN PELBAGAI MEDIUM PROMOSI



LAMPIRAN 5.3 : KERJASAMA DENGAN PWB DAN KETUA KAMPUNG DI SELURUH SELANGOR SEBAGAI SUMBER RUJUKAN PERTAMA ORANG AWAM



LAMPIRAN 5.4 : PERANCANGAN KERJASAMA DENGAN LEMBAGA ZAKAT SELANGOR (LZS)

